



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa di kalangan 2 kontraktor yang tersenarai di dalam **Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2013 - Kontrak Pusat Sistem Panel Bagi Perolehan Bintang-Bintang Darjah Dan Item-item Yang Berkaitan Kepada Semua Agensi Kerajaan Di Seluruh Malaysia** dan tempoh **pendaftaran syarikat hendaklah masih sah** sekurang-kurangnya untuk tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh tutup sebut harga serta mempunyai **kemampuan kewangan** yang mencukupi dan **berpengalaman** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SBT)03/2013/PSM(PINGAT)	PERKHIDMATAN PEMBEKALAN KOMPONEN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN (DKBPWP) UNTUK KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP)	030299 (Pembuat)

2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah **ePerolehan enabled**. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **17 Julai 2013 (RABU)** secara percuma melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
3. **Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan dan dokumen-dokumen berkaitan **dimuat-naik (upload) ke Sistem ePerolehan sebelum atau pada jam 12.00 Tengah Hari pada 24 JULAI 2013 (RABU)** iaitu pada tarikh tutup Sebut Harga.
4. **Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** yang lengkap juga hendaklah **dihantar secara manual** dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga dan nombor cadangan ePerolehan (Y015102020012XXXX) ditulis di penjurong atas kiri **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 24 JULAI 2013 (RABU)** iaitu tarikh tutup sebut harga dan **dimasukkan ke dalam peti sebut harga** di alamat berikut:-

KETUA SETIAUSAHA,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,  
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH,  
PRESINT 2,  
62100 PUTRAJAYA.  
(U.P.: SEKSYEN KEWANGAN)

5. Tawaran sebut harga yang **LEWAT DIKEMUKAKAN** melalui Sistem ePerolehan serta secara Manual tidak akan dipertimbangkan.

*Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta.*

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI ALAMAT : <http://www.kwp.gov.my> DAN [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my)